

## Maklumat Komoditi : Timun

### Pengairan Dan Saliran

#### Pengurusan Air

Timun memerlukan air yang cukup terutama di musim panas. Pada amnya, peringkat genting selalu berlaku pada masa berbunga dan pembentukan buah. Kekurangan air pada peringkat ini akan menghasilkan buah yang pendek dan kecil. Oleh itu penyiraman air dua kali sehari diperlukan. Pembekalan air dikurangkan apabila buah hampir matang.

Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram atau menggunakan sistem pengairan renjis. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65 - 75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kosbahan bagi sistem ini adalah RM 10 000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan ialah yang mempunyai julat tekanan operas! yang rendah, 1.5-2.5 kg/cm<sup>2</sup> dengan kadar alir perenjis 0.3 -1.0 liter/saat dan garis pusat siraman liputan 25 - 30 m.

Perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran.Paritladangdibina untuk menyalirkan air yang bertakung ke parit utama. Spesifikasi sistem parit ladang adalah seperti di dalam Jadual 6 dan reka bentuknya adalah seperti Gambar rajah 4.

Jadual 6: Spesifikasi sistem parit ladang

Jenis tanah	Jarak di antara parit (m)	Cerun tebing	Kedalaman (m)	Lebar bawah (m)	Kepadatan parit (m/ha)
P Lorn berpasir	175-200	1 : 1	0.90	1.2	50
Lempong dan kelodak	60- 80	0.5 : 1	0.75	0.5	125
Organik	40- 60	0.25 : 1	1.20	0.3	170